

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN :

TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tatacara piawaian untuk mengendalikan pendidikan dan kaunseling untuk kanak-kanak yang dibawa masuk ke tempat perlindungan ataupun rumah selamat untuk mangsa keganasan rumah tangga yang dikendalikan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius berkaitan aspek pendidikan dan kaunseling yang perlu diberi penekanan kepada kanak-kanak mangsa penderaan yang ditempatkan di institusi perlindungan dan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa keganasan rumahtangga yang ditempatkan di tempat selamat.

Bagi institusi perlindungan iaitu Rumah Kanak-Kanak di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat, tatacara piawaian bagi pengendalian aspek pendidikan kanak-kanak adalah menggunakan Sistem Pengurusan Klien Institusi. Bermula daripada kanak-kanak berumur 1 hari sehingga 4 tahun, mereka diberi jagaan di TASKA yang diwujudkan dalam institusi. Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, sehingga Jun 2016, terdapat seramai **860** orang kanak-kanak yang berusia 4 hingga 18 tahun yang menjadi mangsa penderaan ditempatkan di institusi Rumah Kanak-Kanak.

Daripada jumlah tersebut, seramai **705** orang kanak-kanak mendapat pendidikan seawal usia empat tahun sehingga berumur di bawah 18 tahun. Bagi kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun, mereka akan mengikuti prasekolah di mana kanak-kanak ini didaftarkan di tadika yang berhampiran dengan institusi. Bagi kanak-kanak yang berusia tujuh (7) hingga 18 tahun, mereka didaftarkan dan akan dihantar ke sekolah rendah dan menengah aliran perdana di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia. Terdapat juga seramai **155** orang kanak-kanak yang tidak dapat mengikuti persekolahan dalam aliran persekolah perdana atas faktor-faktor seperti kurang upaya dan tidak lagi berminat lagi untuk belajar. JKM turut menyediakan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melalui kerjasama Giat Mara dan Syarikat Swasta bagi memberi latihan kemahiran kepada kanak-kanak. Antara bidang kemahiran yang ada disediakan adalah seperti automatif, masakan, jahitan, kraftangan dan komputer.

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa penderaan kanak-kanak dan mangsa keganasan rumah tangga bagi membantu mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa penderaan kanak-kanak. Tatacara mengendalikan sesi kaunseling untuk kanak-kanak yang dibawa masuk ke tempat perlindungan ataupun rumah selamat untuk mangsa keganasan rumah tangga adalah berdasarkan ~~Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga~~ di bawah Akta 521 yang merangkumi aspek tersebut iaitu:

- 1) Penaksiran Psikologi – dilaksanakan untuk menentukan tahap trauma mangsa dan intervensi yang bersesuaian;
- 2) Kaunseling Individu; dan
- 3) Psikoterapi yang terdiri daripada terapi seni, terapi bercerita dan terapi pasir.

Dalam hal ini seramai 183 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa bersedia untuk membantu kanak-kanak di institusi perlindungan dan mangsa keganasan rumah tangga yang ditempatkan di tempat selamat. Selain itu, Pegawai Psikologi juga

membuat lawatan susulan secara berterusan untuk mengembalikan semangat dari aspek emosi, fizikal, mental dan spritual klien agar mereka dapat menangani tekanan yang dialami, menerima realiti dan akhirnya kembali stabil.